

D952

R B621 DEB
HAHATHIR - MCA
(I)

1984

KUALA LUMPUR, 22 OKT (BERNAMA) -- MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI BARISAN NASIONAL AKAN DIADAKAN TIDAK LAMA LAGI BAGI MEMBINCANGKAN, ANTARA LAIN, PERKEMBANGAN TERBARU DALAM MCA YANG MENYEBABKAN KUHPUAN TAN KOON SWAN MEMINTA DIADAKAN PUNGUTAN SUARA DI KALANGAN PAR 4 ANGGOTA MCA BAGI MENAMATKAN KRISIS PARTI.

PERDANAMENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD, YANG JUGA Pengerusi Barisan Nasional (BN), Berkata hari ini beliau akan memanggil para pemimpin parti-parti komponen bermesyuarat sebaik sahaja Setiausaha Agung BN, Encik Ghafar Baba, pulang dari Seberang Laut.

+ LAMBAT-LAUN, BARISAN NASIONAL TERPAKSA JUGA MEMBINCANGKAN PERKARA INI, + BELIAU BERKATA KETIKA MENJAWAB SOALAN MENGENAI RESOLUSI YANG DILULUSKAN PADA Hujung Minggu untuk mendesak Jawatan Kuasa Pusat MCA supaya mengadakan pungutan suara bagi menyelesaikan krisis parti.

LEBIH 1,500 ORANG PERWAKILAN DI KONVENSYEN + SELAMATKAN PARTI +, YANG DIANJURKAN OLEH KUHPUAN TAN KOON SWAN DI GENTING HIGHLANDS MENDUNDI MEMPERSETUJUI PUNGUTAN SUARA ITU DIADAKAN.

PETISYEN ITU, YANG MENDESAK SUPAYA DATUK DR. NEO YEE PAN DILUCUTKAN JAWATAN PEMANGKU PRESIDEN MCA DAN PEMBUBARAN JAWATAN KUASA PUSAT YANG ADA SEKARANG BAGI MEMBOLEHKAN PUNGUTAN SUARA DIADAKAN, AKAN DISERAHKAN KEPADA IBU PEJABAT PARTI DALAM MASA KIRA-KIRA DUA MINGGU LAGI. --LAGI

1703MST 22 10 84

D966

R B628 DEB

MAHATHIR - HCA 2 KUALA LUHPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR ENGGAN MENGULAS APABILA DIMINTA PANDANGANNYA MENGENAI PUNGUTAN SUARA ITU DENGAN BERKATA BAHAWA IA ADALAH SOAL DALAM PARTI MCA.

+ TAK ADA APA YANG HENDAK SAYA PERKATAKAN MEMANDANGKAN INI ADALAH MASALAH MCA SENDIRI. SEBENARNYA, BUKANLAH BAGI SAYA UNTUK MENENTUKANNYA, + BELIAU MENAMBAH KETIKA MENJAWAB SOALAN SAMA ADA PUNGUTAN SUARA ITU AKAN MENGHINAMAHKAMAH MEHANDANGKAN KES-KES SIVIL YANG DIKEMUKAKAN KE MAHKAMAH HASIL BELUM BERES LAGI.

PERDANA MENTERI MENGESAHKAN BAHAWA ENCIK TAN TELAH HENEHUINYA PADA HARI KHAMIS - - DUA HARI SEELUM KONVENSYEN + SELAMATKAN PARTI + -- UNTUK MEMBERI PENJELASAN HENGENAI KONVENSYEN ITU.

+ IA ADALAH PERJUMPAAN BIASA SAJA. SAYA CUMA BERTANYAKANNYA DAN MENGAPA BELIAU MENGANJURKANNYA. +

DR. MAHATHIR JUGA BERKATA BAHAWA BELIAU TIDAK TAHU - MENAHU BAHAWA ENCIK GHAFAR MENJADI ORANG TENGAH UNTUK MENDAMAIKAN KUMPULAN - KUMPULAN NEO YEE PAN DAN TAN KOON SWAN.

+ MUNGKIN BELIAU BERBINCANG DENGAN MEREKA ATAS USAHANYA SENDIRI ATAU LAIN-LAIN SAYA TAK TAHU, SAYA MEMANGGIL MESYUARAT BN KERANA SAYA INGIN TAHU APA YANG DIBUATNYA SEMASA KETIADAAN SAYA, + KATANYA. --LAGI.

1737MST 22 10 84

D968

R B630 DEB

MAHATHIR - MCA 3 KUALA LUMPUR

PERTIKAIAN DALAM PART1 MCA TELAH BERLARUTAN SELAMA SETAHUN TANPA SEBARANG PENYELESAIAN SUNGGUHPUN USAHA-USAHA DIBUAT **BAGIMENDAMAIKAN** KEDUA-DUA KUMPULAN ITU.

USAHA **MENDAMAIKANNYA** TELAH DIBUAT DENGAN **SETIAUSAHA** AGUNG MCA, TAN SRI **CHONGHON NYAN** DENGAN **MENGATAKANBAHAWA** PXMPINAN PART1 TELAH BERSETUJU DENGAN. FORMULA **PERDAMAIAN** YANG DIKEWUKAKAN OLEH **SEORANG ORANG TENGAH .)**

TETAPI ENCIK TAN BERKATA USAHA ITU **GAGAL** KERANA **DATUK DR. NEO** DAN KUMPULANNYA MAHUKAN **KETIGA-TIGA JAWATAN TERTINGGI PARTI + TIDAK** DIPERTANDINGKAN **+.--BERNAMA.**

1742MST 22 10 84